

Sharp tunai tanggungjawab sosial kepada masyarakat



Peserta terdiri daripada warga JKKK Kampung Parit Raja Darat, UTHM dan SMM yang menjayakan aktiviti gotong-royong.

BATU PAHAT - Sharp Manufacturing Corporation Malaysia Sdn Bhd (SMM) meneruskan program tanggungjawab sosialnya di Kampung Parit Raja Darat, di sini, dengan aktiviti gotong-royong.

Program turut mendapat kerjasama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Parit Raja dan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Pengarah Urusannya, Katsutoshi Teraoka berkata, tujuan utama program CSR itu untuk membentuk empat teras dalam diri pekerjanya iaitu bertanggungjawab kepada kawasan pasaran, komuniti, tempat kerja dan juga alam sekitar.

Menurutnya, dalam masa sama ia dapat merapatkan hubungan pekerjaanya dengan masyarakat setempat.

"Program ini juga dapat menyumbang kepada pertumbuhan, pembangunan dan kemakmuran negara kerana memiliki anggota masyarakat yang ringan tulang untuk membantu."

"Saya sangat berbesar hati dengan aktiviti ini yang mendapat kerjasama padu daripada semua pihak untuk sama-sama membersihkan dan mengidahkan alam sekitar," katanya semasa program berkenaan.

Hadir sama, Ketua Kampung yang juga Pengerusi JKKK Parit Raja, Majdan Jamain dan Timbalan Dekan, Hal Ehwal Pelajar (HEP) FKAAS UTHM, Prof Madya

Dr Aeslina Abd Kadir.

Program yang melibatkan 150 peserta itu turut menanam pokok sebagai simbolik kerjasama dan cintakan alam sekitar.

Sementara itu, Majdan berkata, program seperti itu perlu diteruskan oleh mana-mana syarikat korporat bagi mengeratkan hubungan dengan masyarakat.

Katanya, aktiviti khidmat sosial itu mampu menjadi medium perpaduan kerana tidak tertumpu kepada satu golongan sahaja.

"Syarikat swasta lain perlu mencontohi syarikat ini yang berteraskan amalan negara Jepun yang mengamalkan cara hidup sihat dan bersih," katanya.